

# PERLEMBAGAAN



## UNDANG – UNDANG BAGI

### KELAB RADIO AMATUR KOMUNIKASI BENCANA TERENGGANU – SQUAD 99 (TERENGGANU AMATEUR RADIO DISASTER COMMUNICATION CLUB - SQUAD 99)

#### FASAL 1 NAMA

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama **“KELAB RADIO AMATUR KOMUNIKASI BENCANA TERENGGANU - SQUAD 99”**

Atau dalam Bahasa Inggeris **“TERENGGANU AMATEUR RADIO DISASTER COMMUNICATION CLUB - SQUAD 99”**

Selepas ini disebut **“SQUAD 99”**.

#### FASAL 2 ALAMAT URUSAN

1. Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah:

**KELAB RADIO AMATUR KOMUNIKASI BENCANA TERENGGANU  
1641-D, Jalan Panji Alam  
21100 Kuala Terengganu  
Terengganu**

Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

#### FASAL 3 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA



1. Bentuk Bulat: Bermaksud ketekunan dan bersatu hati
2. Gambar Antenna di tengah: Melambangkan komunikasi radio amatur

3. Bentuk  $\frac{1}{4}$  bulatan merah: Bermaksud tadahan tangan menghulurkan bantuan dan sokongan kepada yang memerlukan
4. Warna Hitam: Melambangkan negeri Terengganu
5. Warna Kuning: Melambangkan bantuan yang akan disalurkan kepada seluruh rakyat negeri Terengganu.
6. Warna Putih: Melambangkan keikhlasan, kesucian dan Kebersihan
7. Warna Merah: Melambangkan keberanian.
8. Tulisan Squad 99 – Daripada 99 nama Tuhan yang membawa maksud penyerahan diri kepada Allah SWT dalam melaksanakan kerja amal.

## **FASAL 4 TUJUAN / MATLAMAT**

1. Menyediakan satu wadah atau pertubuhan bertujuan untuk menghimpun seluruh pemilik, penggemar radio amatur dalam negeri Terengganu dan menggerakkan mereka semasa berlakunya bencana.
2. Menyalurkan khidmat dan bantuan komunikasi kepada kerajaan dan rakyat negeri Terengganu semasa berlakunya segala bentuk kemalangan, tragedi atau bencana.
3. Menyediakan khidmat dan peralatan telekomunikasi kepada agensi kerajaan semasa berlakunya kemalangan, tragedi dan bencana.
4. Menyediakan latihan komunikasi bencana kepada agensi kerajaan.
5. Membimbing dan melatih para belia dalam pengetahuan dalam Teknologi Informasi dan Komunikasi.
6. Membuka minat masyarakat terhadap seni komunikasi tanpa wayar agar lebih ramai lagi yang akan tampil membantu semasa berlakunya sebarang bencana.
7. Membantu kerajaan negeri dalam mempromosikan negeri Terengganu dan juga produk kerajaan negeri melalui komunikasi tanpa wayar.
8. Menganjurkan latihan, kursus dan seminar kepada peminat komunikasi radio dalam dan luar negeri.
9. Menganjurkan program-program dan aktiviti yang berkaitan dengan komunikasi tanpa wayar.
10. Memberi khidmat nasihat dan dan bantuan teknikal kepada mereka yang memerlukan.
11. Mengendali, memeriksa dan menyelenggara rangkaian pengulang (repeater) radio amatur dan komersil.

## FASAL 5

## KEAHLIAN

1. Keahlian adalah terbuka kepada semua pemilik, pengemar komunikasi tanpa wayar dan bentuk keahlian adalah seperti berikut:

- a. **AHLI BIASA**

Ahli biasa adalah terbuka kepada semua yang menetap dan bekerja di negeri Terengganu. Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. Penggunaan Radio Amatur hendaklah tertakluk kepada syarat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Setiap ahli berhak untuk mengundi dan diundi semasa berlangsungnya mesyuarat agong persatuan

- b. **AHLI REMAJA**

Ahli remaja adalah terbuka kepada mereka yang berumur 15 sehingga 18. Warganegara Malaysia yang menetap, belajar atau bekerja di Terengganu. Mereka disyaratkan mendapat surat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu sebelum diterima sebagai ahli. Mereka tidak boleh mengundi dan memegang jawatan dalam persatuan. Penggunaan Radio Amatur hendaklah tertakluk kepada syarat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.

- c. **AHLI BERSEKUTU**

Ahli bersekutu adalah terdiri daripada mereka yang tinggal di luar Terengganu yang berminat dan menyokong persatuan. Mereka tidak boleh mengundi dan tidak boleh memegang jawatan dalam persatuan. Walau bagaimanapun, mesyuarat jawatankuasa boleh melantik salah seorang sebagai wakil persatuan di negeri yang mereka wakili.

- d. **AHLI KEHORMAT**

Ahli Kehormat adalah terdiri daripada mereka yang berjasa kepada masyarakat dan boleh memberi sumbangan kepada kejayaan persatuan. Mereka akan dilantik atas persetujuan jawatankuasa. Mereka tidak boleh mengundi dan tidak boleh memegang jawatan dalam persatuan. Mereka tidak akan dikenakan sebarang bentuk yuran.

2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang ahli persatuan dan dihantar kepada Setiausaha. Setiausaha dikehendaki mengemukakan permohonan tersebut kepada mesyuarat jawatankuasa Pengurusan untuk diluluskan. Jawatankuasa Pengurusan mengikut budibicara berhak menolak sebarang permohonan tanpa perlu mengemukakan sebab.
3. Setiap permohonan yang diluluskan seperti tersebut di atas berhak sebagai ahli setelah membayar yuran masuk keahlian dan yuran tahunan.

## FASAL 6 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

1. Yuran kemasukan dan yuran tahunan.

JENIS YURAN	YURAN MASUK	YURAN TAHUNAN
Ahli Biasa	RM30.00	RM30.00
Ahli Remaja	RM20.00	RM20.00
Ahli Bersekutu	RM20.00	RM20.00
Ahli Kehormat	Tiada	Tiada

2. Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari pada setiap awal tahun.
3. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih dari dua tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya dijelaskan.
4. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada tiga tahun dengan sendirinya terlucut daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
5. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
6. Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

## FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut

juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 8 MESYUARAT AGUNG

1. Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu per tiga (1/3) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mei pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah:
  - a. Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan persatuan di dalam tahun lalu.
  - b. Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu.
  - c. Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk dua tahun yang akan datang.
  - d. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.
5. Mesyuarat Agung Khas bagi persatuan ini boleh diadakan:
  - a. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau

- b. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Persatuan.
6. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
7. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
8. Fasal 8 (1) dan 8 (2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas tidaklah boleh diadakan.

## FASAL 9

### JAWATANKUASA

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut, yang dinamakan Pegawai Persatuan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:
  - a. Seorang Presiden
  - b. Seorang Timbalan Presiden
  - c. Dua orang Naib Presiden
  - d. Seorang Setiausaha
  - e. Seorang Bendahari
  - f. Dua belas orang Ahli Jawatankuasa
  - g. Dua orang Pemeriksa Kira-Kira

*\* Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari akan dilantik oleh Presiden setelah mendapat persetujuan dari Ahli Jawatankuasa*

2. Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan dua tahun sekali yang akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap dua tahun sekali kecuali bagi jawatan

Setiausaha, Bendahari, Penolong Setiausaha Dan Penolong Bendahari yang akan dicadangkan oleh Presiden dengan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa.

4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang Ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu pertiga ( $1/3$ ) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
  - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli jawatankuasa.
  - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
  - c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

7. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletak jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah



Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhkan kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
10. Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberi kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

## **FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

1. Presiden, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama Timbalan Presiden, Setiausaha dan Bendahari.
2. Timbalan Presiden, hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya dan juga menolong Presiden dalam bidang pentadbiran dan teknikal.
3. Naib Presiden 1, hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden dan juga menolong Presiden dalam bidang pentadbiran dan pengurusan persatuan.
4. Naib Presiden 2, hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaan Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden 1 dan juga menolong Presiden dalam bidang Teknikal.
5. Setiausaha, hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Pengarah dan Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimitkan penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
6. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan juga memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

7. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek persatuan bersama-sama dengan Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha.
8. Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## **FASAL 12 KEWANGAN**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
2. Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua ribu sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.
4. Perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus ribu sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh ribu sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan.
5. Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan.
6. Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

## **FASAL 12 PEMERIKSA KIRA-KIRA**

1. Dua orang yang bukannya Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.
2. Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengarah mengaudit kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## **FASAL 13 PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI DI BAWAH SEKSYEN 9 (b) AKTA PERTUBUHAN 1966**

1. Tiga Pegawai terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan dan berusia lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi maksud Seksyen 9 (b) Akta Pertubuhan 1966.
2. Mereka hendaklah memegang jawatan mereka sehingga tempoh bagi mereka memegang jawatan selama tahun berakhir di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan mereka layak untuk dipilih semula.
3. Pegawai-pegawai yang dilantik di bawah undang-undang ini hendaklah mengurus harta tetap Persatuan sebagaimana yang dikehendaki oleh mesyuarat agung tetapi semua harta tetap Persatuan hendaklah didaftarkan di atas nama Persatuan.
4. Mereka tidak boleh, menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung ahli-ahli.
5. Seorang pegawai yang diperakukan boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana sakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan.
6. Jika berlaku kematian, letak jawatan atau pembuangan bagi seorang pegawai yang diperakukan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan maka kekosongan itu bolehlah dipenuhkan oleh Mesyuarat Agung Khas yang diadakan untuk tujuan tersebut.

## **FASAL 14 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

1. Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika

mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

## **FASAL 15 PENASIHAT/PENAUNG**

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat atau Penaung bagi Persatuan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

## **FASAL 16 LARANGAN**

1. Permainan yang disebut di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua jenis perjudian dan permainan yang bergantung semata-mata pada nasib.
2. Persatuan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan acara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
4. "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.
5. Segala aktiviti yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang.
6. Mana-mana orang tidak boleh memegang jawatan dalam persatuan, menjadi penasihat pekerja persatuan jika ia telah hilang kelayakan menurut seksyen 9A Akta Pertubuhan 1966.

## **FASAL 17 PINDAAN UNDANG-UNDANG**

Undang-undang ini tidak boleh diubah kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari daripada tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 18 PEMBUBARAN

1. Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.
3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

## FASAL 19 PENTADBIRAN PREMIS

1. Mempamerkan Sijil Pendaftaran Pertubuhan yang asal di dalam premis di tempat yang mudah dilihat.
2. Membuat papan tandanama serta mempamerkannya di bahagian hadapan luar premis dengan nombor pendaftaran dicatatkan bersekali (bagi pertubuhan/kelab yang mempunyai premis sendiri atau premis yang disewa).
3. Mempamerkan kenyataan (di tempat yang bersesuaian) bahawa segala peralatan/kemudahan pertubuhan/kelab adalah untuk kegunaan ahli-ahli sahaja (kanak-kanak adalah dilarang).
4. Hanya dibenarkan menjalankan kegiatan/aktiviti sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja.
5. Menentukan keadaan premis sentiasa bersih, tersusun dengan memuaskan.

.....T.T.....  
Presiden

.....T.T.....  
Setiausaha